




Hong Leong Dividend Fund

Nikmati potensi pertumbuhan pendapatan melalui dividen



- ⌚ Melaksanakan pendekatan pelaburan dividen dengan memilih syarikat yang menjana pendapatan dividen yang baik
 - membayar dividen dalam tempoh tiga daripada lima tahun lepas
 - mempunyai rekod pembayaran dividen yang baik
 - berpotensi untuk menyediakan dividen yang tinggi dalam tempoh 12 bulan akan datang
- ⌚ Mensasarkan peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang yang berpotensi lebih tinggi dari kadar deposit tetap semasa
- ⌚ Potensi agihan pendapatan tahunan

| | |
|--|---|
| Kategori Dana | Ekuiti |
| Jenis Dana | Pendapatan & Pertumbuhan |
| Penilaian Risiko Produk | Tinggi |
| Objektif Pelaburan | Dana ini bertujuan untuk menjana pendapatan berulang yang mantap* yang berpotensi lebih tinggi dari kadar deposit tetap semasa. Di waktu yang sama Dana ini juga berusaha untuk mencapai peningkatan modal dalam tempoh sederhana hingga panjang**. |
| | * Pendapatan mungkin diagihkan dalam bentuk tunai dan/atau unit ** 3 hingga 5 tahun |
| Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana) | Ekuiti: Minimum 70% Sekuriti pendapatan tetap: Maksimum 30% |
| Pelaburan Awal Minimum | Pelaburan tunai atau Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000 |
| Pelaburan Tambahan Minimum | Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000 |
| Caj Jualan | Pelaburan tunai: Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Skim Pelaburan Ahli KWSP: Sehingga 3.00% dari NAB seunit |
| Yuran Tahunan Pengurusan | Sehingga 2.50% setahun |
| Yuran Tahunan Pemegang Amanah | 0.07% setahun, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj kustodian asing) |

^{*} Pendapatan boleh diagihkan dalam bentuk wang tunai dan / atau Unit.

Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)

Hong Leong Asset Management Bhd merupakan salah satu Institusi Pengurusan Dana yang dilantik di bawah SPA-KWSP. Ahli KWSP boleh melaburkan tidak lebih daripada 30% lebihan simpanan pada Simpanan Asas dalam Akaun Persaraan (dahulu dikenali sebagai Akaun 1) ke dalam produk melalui Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan. Amaun minimum pengeluaran pelaburan adalah RM1,000 dan pelaburan boleh dibuat sekali pada setiap tiga bulan dari tarikh pengeluaran terakhir. Sila rujuk jadual Simpanan Asas KWSP terkini untuk menentukan kelayakan pelaburan. Sila hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami untuk senarai terkini Dana. Ahli KWSP yang ingin membuat tukaran di bawah SPA-KWSP tertakluk kepada terma dan syarat KWP.

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga bertarikh 18 Ogos 2023, 5 Januari 2024 dan 19 Ogos 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyorkan atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat HLM, ejen atau pengedar sah kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Jika agihan/pecahan unit disyitiharkan, pelabur adalah dimaklumkan bahawa berikutnya terhadapnya terbitan unit-unit tambahan/agihan NAB seunit akan berkurban dari NAB sebelum-agihan/NAB selepas-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit disyitiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembayaran unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan pernyataan pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko penerbit tunggal dan risiko dasar dividen. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan. Anugerah ini diberikan oleh penyedia data dana bebas, LSEG Lipper.

